



# KENYATAAN MEDIA

## PENGELUARAN BORANG NYATA CUKAI PENDAPATAN TAHUN TAKSIRAN 2008

1. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) sudah mengeluarkan Borang Nyata Cukai Pendapatan Tahun Taksiran 2008 secara berperingkat kepada pembayar cukai dalam bulan Januari 2009 dan Februari 2009.
2. Pembayar cukai yang tidak akan menerima Borang Nyata Cukai Pendapatan Tahun Taksiran 2008 adalah:
  - (a) Pembayar cukai yang telah menggunakan sistem e-Filing untuk memfail Borang Nyata Cukai Pendapatan Tahun Taksiran 2007; dan
  - (b) Pembayar cukai yang tidak ada punca pendapatan perniagaan dan mempunyai pendapatan kurang daripada RM20,000 bagi Tahun Taksiran 2007.
3. Sebaliknya, Borang Nyata Cukai Pendapatan Tahun Taksiran 2008 masih dikeluarkan kepada:
  - (a) Pembayar cukai yang dijangka akan menuntut bayaran balik kerana kredit seksyen 110 Akta Cukai Pendapatan 1967; dan
  - (b) Pembayar cukai, walaupun tidak layak dikenakan cukai, telah membuat bayaran anggaran cukai melalui Potongan Cukai Berjadual atau skim ansuran lain.
4. Jangan hantar bersama Borang Nyata Cukai Pendapatan Tahun Taksiran 2008 dokumen-dokumen seperti berikut:
  - Borang EA / EC
  - Resit premium insurans
  - Resit pembelian buku
  - Resit perubatan
  - Resit derma
  - Resit premium zakat
  - Sijil kelahiran anak
  - Sijil nikah
  - Penyata untung / rugi dan kunci kira-kira
  - Dokumen-dokumen sokongan lain.
5. Baucer dividen juga tidak perlu dihantar bersama-sama borang nyata. Pembayar cukai mungkin akan diminta untuk mengemukakan baucer dividen bagi tujuan Audit.

6. Helaian kerja seperti HK-3, HK-6, HK-7, HK-8 dan / atau HK-9, yang mana berkenaan, perlu dikemukakan bersama dengan borang bagi cukai kena dibayar balik. Dokumen sokongan juga perlu dikemukakan bersama bagi pendapatan dan pelepasan/tolakan yang di senaraikan di HK-6, HK-8 dan / atau HK-9.
  
7. Sekiranya borang nyata dikemukakan melalui e-Filing, HK-3 boleh dilengkapkan secara atas talian bagi melaporkan pendapatan dividen yang diterima.
  
8. Tarikh akhir untuk penghantaran borang:

	<b>Jenis Borang</b>	<b>Tarikh Akhir Penghantaran</b>
1	BE: Individu pemastautin - tiada punca pendapatan perniagaan	30 April 2009
2	B: Individu pemastautin - ada punca pendapatan perniagaan	30 Jun 2009
3	M : Individu Bukan Pemastautin	30 April 2009 - tiada punca pendapatan perniagaan
4	TP: Harta Pusaka	30 Jun 2009 - ada punca pendapatan perniagaan
5	TF: Pertubuhan	
6	TJ: Keluarga Sekutu Hindu	
7	P : Perkongsian	30 Jun 2009
8	E : Majikan	31 Mac 2009

9. Borang tersebut perlu diisi dengan lengkap dan jelas dan hendaklah dihantar ke alamat seperti berikut:

<b>Borang BE dan Borang E</b>	<b>Borang-Borang Iain</b>
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, Pusat Pemprosesan, Aras 10-18, Menara C, Persiaran MPAJ, Jalan Pandan Utama, Pandan Indah, Karung <b>Berkunci 11054</b> 50990 Kuala Lumpur Malaysia.	Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, Pusat Pemprosesan, Aras 10-18, Menara C, Persiaran MPAJ, Jalan Pandan Utama, Pandan Indah, Karung <b>Berkunci 11096</b> 50990 Kuala Lumpur Malaysia.

10. **Sistem e-Filing** bagi memfailkan borang Tahun Taksiran 2008 sudah boleh digunakan mulai tarikh berikut:

<b>Jenis Borang</b>	<b>Tarikh Mulai Digunakan</b>
a. BE dan B	3 Februari 2009
b. M, P dan E	1 Mac 2009
c. BE, B, M, P dan E untuk ejen cukai	1 Mac 2009

11. Pembayar cukai sangat-sangat digalakkan untuk mengguna sistem e-Filing yang disediakan secara percuma dan boleh diakses 24 jam di rumah atau pejabat. Perakuan penerimaan borang akan juga diperoleh secara atas talian. Keselamatan maklumat adalah terjamin. Borang yang diterima melalui e-Filing dapat diproses dengan cepat dan akan memudahkan pemprosesan bayaran balik.
12. Pembayar cukai boleh berkunjung ke mana-mana cawangan LHDNM terdekat bagi mendapatkan bantuan untuk mengisi Borang Nyata Cukai Pendapatan atau terus menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan di talian 1-300-88-3010 untuk keterangan lanjut.

**SEKIAN, TERIMA KASIH**

<b>Dikeluarkan oleh</b>	<b>:</b>	<b>NAJLAH ISHAK</b> <b>Pegawai Perhubungan Awam,</b> <b>Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.</b>
<b>Tarikh</b>	<b>:</b>	<b>30 Mac 2009</b>
<b>Nombor Telefon</b>	<b>:</b>	<b>03-6203 1380</b>
<b>Nombor Faks</b>	<b>:</b>	<b>03-6201 2434</b>

Homepage LHDN : <http://www.hasil.gov.my>